

# BULETIN

## PEMERHATI RASUAH MALAYSIA

DISEMBER-2020 (1) | BERITA & DIARI AKTIVITI MCW

MCW

Malaysia Corruption Watch  
Anti Corruption Start From You

EDISI DISEMBER - 2020

(1) BERITA & DIARI AKTIVITI MCW

SELASA 10 DISEMBER 2020 IS RABILAKHR 1442 BL 115 TAHUN KE 53 P99527/09/2019 (03121) @ UTUSANONLINE WWWUT

**Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, Kerajaan mesti mewajibkan seluruh rakyat menukar kad pengenalan sedia ada kepada versi terkini, seandainya ia diperkenalkan**



PEMIKIRAN BAE  
**Utusan  
Malaysia**

Langkah berkesan hapus kad pengenalan palsu

## Wajibkan ganti Mykad

Oleh HADI AB. MANAP  
had.manap@moderumka.com.my

KUALA LUMPUR: Penggantian kad pengenalan (MyKad) sedia ada kepada yang baharu tidak membantu proses pemutihan

"Sehingga kini, masih ramai tidak tukar kerana tiada arahan pihak berkuasa..."

Pendaftaran Negara (JPN) memperkenalkan Mykad Struktur Baharu pada Januari 2012.

Namun sehingga kini, masih ramai tidak tular kerana tiada arahan pihak berkuasa seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN)

yai ciri imej turisan laser.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, kerajaan mesti mewajibkan seluruh rakyat menukar kad pengenalan sedia ada kepada versi terkini, seandainya ia diperkenalkan.

Bersambung di muka

## PERKONGSIAN PELBAGAI ISU & BERITA RASUAH

## MENARIK DI DALAM

**ISU DAGING PUNCANYA RASUAH**

**PANDANGAN MCW BERKENAAN ISU DAGING IMPOT KARTEL DAGING HARAM**

**JANGAN TAKUT UNDANG-UNDANG RASUAH, INILAH PENYELAMAT KITA.**

**SAMBUTAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2020 BERSAMA PROLINTAS**



PELBAGAI AKTIVITI MCW SEPANJANG BULAN DISEMBER 2020

# Kenyataan Media

## MCW Berkenaan Kedudukan Malaysia Dalam Laporan 'Global Corruption Barometer - GCB Asia 2020' Transparency International Malaysia

Malaysia merupakan antara negara yang terlibat dalam tinjauan laporan tersebut bermula Julai 2019 hingga Jun 2020 itu dengan penglibatan 1,000 orang responden yang mana dapatan tersebut adalah berdasarkan pendapat dan pengalaman responden sendiri.

Kenyataan TI Malaysia yang menyebut bahawa 71% rakyat Malaysia berpendapat bahawa rasuah dipihak Kerajaan adalah masalah yang serius adalah kurang tepat dan perlu dibetulkan. Hanya 710 responden daripada keseluruhan 1,000 orang yang ditinjau di Malaysia yang memberikan pendapat itu.

Walaupun GCB Asia 2020 bukanlah satu petunjuk utama dalam menentukan isu rasuah dalam Malaysia namun dapatan tersebut bolehlah digunakan oleh semua pihak terutamanya SPRM sebagai garis panduan untuk memerangi jenayah tersebut di negara ini.

Menurut dapatan itu, sebanyak 71 peratus daripada 1,000 responden tersebut berpendapat bahawa rasuah dalam sektor kerajaan adalah isu yang besar. Empat kategori tertinggi yang dinyatakan responden ialah ahli parliment (36 peratus), polis (30 peratus), pegawai kerajaan (28 peratus) dan eksekutif perniagaan (27 peratus).

Berhubung dengan hal ini, MCW berharap SPRM dapat mengukuhkan strategi pencegahan yang berjaya dilaksanakan sejak beberapa tahun lepas dengan memberi perhatian kepada sektor awam yang menumpu kepada bidang perolehan dan penguatkuasaan yang dikategorikan sebagai Rasuah Besar (Grand Corruption).

Penumpuan kepada bidang ini penting dalam memastikan tiadanya isu-isu ketirisan dalam sektor awam yang akan menjelaskan ekonomi negara. Strategi ini telah membolehkan kes-kes melibatkan ahli politik, ketirisan dalam perolehan kerajaan, rasuah dan salah guna kuasa di agensi penguatkuasa dan rasuah di sektor swasta berjaya disiasat dan dituduh di mahkamah.

Selain itu, hasil dapatan juga menunjukkan sebanyak 67 peratus responden berpendapat bahawa kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah baik dalam memerangi rasuah. Inisiatif-inisiatif seperti Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) mestilah diteruskan serta polisi-polisi berkaitan memerangi rasuah dibincangkan di peringkat tertinggi kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti Rasuah.

Sebanyak 74 peratus responden pula menyatakan bahawa SPRM telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik. MCW percaya SPRM akan terus komited melaksanakan tanggungjawab memerangi rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di semua sektor sama ada awam mahu pun swasta. Strategi-strategi yang telah sedia dirangka akan dilaksanakan dan disesuaikan dengan keadaan semasa seperti ketika negara ini dilanda pandemik Covid-19 supaya objektif membanteras jenayah ini masih boleh dicapai.

MCW menawarkan diri untuk menjalankan kajian agar satu indeks khas yang mengikut 'Acuan Malaysia' atau 'ASEAN' bersama pihak SPRM, GIACC atau lain-lain agensi dapat dilaksanakan. Dapatan tersebut pasti lebih tepat disesuaikan dengan budaya dan gaya hidup wilayah ini.

Haji Jais Abdul Karim  
Presiden

4 Disember 2020



**REALITI KEHIDUPAN SEBAHAGIAN PEGAWAI AGENSI PENGUATKUASAAN DI MALAYSIA.**

**TAHUN 2020, MALAYSIA DILANDA DUA PANDEMIK BESAR YANG DIKENALI SEBAGAI 'KOKO'. KOVID DAN KORUPSI.**

**ADAKAH ANDA ANTARA MANGSANYA?**

**MCW**

Malaysia Corruption Watch  
Anti Corruption Start From You

## Kongsi Berita & Ilmu @ FB MCW

### KETAGIHAN RASUAH TIADA "UBAT" YANG DAPAT MENANGGANINYA.

SEMASA saya masih lagi kanak-kanak dan di bangku sekolah, saya kerap kali diperdengarkan dengan slogan "dadah musuh negara".

Ya, pada ketika itu malahan hingga ke hari ini, dadah masih lagi musuh utama negara dan masyarakat.

ia bukan sahaja merosakkan diri si penagih tetapi keluarga, anggota masyarakat atau komuniti serta negara secara amnya turut terkesan dengan penagihan dadah yang mana pada hari ini dadah bukan sekadar yang disuntik tetapi hadir dalam pelbagai bentuk dan pastinya ia sesuatu yang merosakkan.

Namun pada hari ini, Malaysia berdepan satu lagi ancaman yang sama hebat, mungkin lebih lagi iaitu rasuah.

Sepertimana dadah, rasuah juga boleh mendatangkan "ketagihan" tetapi ketagihan dadah sekurang-kurangnya dapat diatasi dengan kewujudan pusat serenti tetapi "ketagihan" rasuah tiada "ubat" yang dapat menanganinya.

Saban hari, kita dihidangkan dengan pelbagai cerita mengenai salah laku yang berkaitan dengan rasuah baik si ikan bilis yang semakin hari semakin banyak jumlahnya mahupun si ikan jerung yang seakan-akan tidak serik atau takut dengan apa yang berlaku di sekeliling kita hari ini.

Sungguhpun demikian, kerajaan tidak pernah berputus-asal terhadap usaha untuk membanteras rasuah sekalipun kita sedar tahap rasuah pada hari ini semakin membarah dalam masyarakat kita.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, SPRM atau sebelum ini dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah nampaknya semakin tidak menang tangan dalam memastikan setiap pesalah dapat dibawa ke muka pengadilan.

Baik aduan yang membabitkan rasuah di dalam jabatan kerajaan mahu pun swasta, baik yang dilaporkan atau tidak, baik yang melibatkan ahli politik atau orang awam, SPRM dapat dilihat sentiasa melakukan yang terbaik kerana mereka sedar rakyat meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap mereka dan SPRM perlu memastikan integriti berada di tahap yang maksimum tanpa memilih bulu.

Bagaimanapun sejak kewujudan SPRM atau BPR sebelumnya, mungkin rakyat tidak menyedari bahawa SPRM masih terdapat kekurangannya iaitu mereka tidak mempunyai kuasa pendakwaan.

Setiap siasatan yang telah lengkap akan dibawa ke pejabat Peguam Negara dan jika peguam negara "berpuas hati" maka pendakwaan akan dilakukan.

Situasi ini yang selalu mendatangkan persoalan di kalangan rakyat, adakah SPRM tidak mempunyai taring atau had tugas yang dimiliki SPRM ini punca yang membawa kepada sukarnya untuk membendung rasuah khususnya yang berlaku di kalangan jabatan kerajaan dan penjawat awam.

Sebenarnya untuk mengatakan SPRM tidak bertaring adalah tidak adil tetapi dalam masa yang sama kewajaran untuk memberi SPRM kuasa pendakwaan juga harus dipertimbangkan dengan serius.

Kita perlu akui, sejak SPRM "dinaik taraf" menjadi sebuah suruhanjaya, ia adalah satu bukti bahawa kerajaan sentiasa serius dalam usaha menangani rasuah.

Sungguhpun diketahui pada hari ini, si pelaku rasuah semakin hari semakin licik dengan pelbagai taktik untuk menjalankan aktiviti tidak bermoral mereka namun SPRM masih dapat "menghidu" setiap pergerakan hingga membawa kepada penangkapan dan pendakwaan serta tidak kurang juga sebahagian mereka telah dibuktikan bersalah.

Ini menunjukkan bahawa SPRM sememangnya kompeten dan berkemampuan dalam membawa mereka ke muka pengadilan tetapi pastinya ia akan dapat dilakukan dengan lebih berkesan jika SPRM juga diberikan kuasa untuk mendakwa.

Selain daripada kuasa pendakwaan, SPRM juga seharusnya boleh diberikan "kebebasan" dalam soal pelantikan dan penamatkan perkhidmatan sesuatu perjawatan di bawah kawalseliaan mereka.

SPRM pastinya lebih arif dalam menentukan siapa yang harus dilantik atau tidak untuk berada bersama-sama mereka dalam menjalankan tugas yang mencabar ini. Tugas membanteras rasuah bukanlah suatu tugas yang "tangkap muat" atau sekadar mencari mereka yang berpuas hati dengan "makan gaji" atau elau semata-mata, ia memerlukan mereka yang benar-benar mempunyai "jiwa" sambil memegang amanah yang tinggi serta berintegriti.

Soal amanah dan integriti bukan satu persoalan yang meniti di bibir sahaja tetapi ia satu persoalan yang besar.

Jika mereka yang berada dalam SPRM sendiri tidak amanah, pada siapa lagi rakyat boleh berharap, jangan sampai pepatah "harapkan pegar, pegar makan padi" juga terpalit di muka SPRM.

Kewujudan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional, GIACC menambah lagi "kekuatan" kerajaan dalam membanteras rasuah.

GIACC yang ditubuhkan sejak 2018 dan diletakkan terus di bawah Perdana Menteri menunjukkan usaha menangani rasuah bukan omongan kosong semata-mata dan walau siapapun yang menjadi Perdana Menteri, ikrar menangani rasuah adalah antara ikrar yang paling utama.

Sekalipun GIACC dan SPRM mempunyai ketua yang berbeza, namun kedua-duanya berkongsi matlamat yang sama iaitu membanteras rasuah tidak kira berapa lama masa yang harus diambil.

Setiapnya mempunyai cara yang tersendiri serta mereka juga mempunyai skop dan terma kerja yang berbeza tetapi dengan wujudnya entiti sebegini, diharapkan usaha kerajaan untuk melihat Malaysia yang bebas rasuah dapat terlaksana satu hari nanti.

Akhir sekali, usaha menangani rasuah tidak boleh disandarkan kepada Perdana Menteri, kerajaan, SPRM atau GIACC semata-mata.

Rakyat terutama mereka yang mempunyai urusan langsung dan boleh membawa kepada rasuah sendiri harus menghindarkan diri daripada perbuatan tidak bermoral ini.

Sepertimana kita melaungkan slogan "katakan tidak pada dadah" begitulah juga kita harus katakan kepada rasuah.

Ya, ada masa nafsu dan sikap tamak yang mendorong sebahagian anggota masyarakat terjebak dengan rasuah namun saya percaya kita semua khususnya yang beragama Islam masih lagi mempunyai pegangan yang kuat.

Janganlah kerana kemewahan "sementara" kita sanggup gelap mata dan pada akhirnya adakah kita semua mahu melihat atau membayangkan bahawa satu hari nanti anak-anak kita semua "tidak kisah" untuk makan rasuah?


Jawapannya, ada pada diri masing-masing. Tepuk dada tanya iman bukan tanya selera. Ikut rasa binasa, ikut hati, mati.

\*\*Penulis merupakan Pensyarah Kanan dalam program kewartawanian Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA.

- BebasNews

## Kongsi Berita & Ilmu @ FB MCW

Kongsi ilmu bersama Dato' A. Samat Kasah



Sesi Khas MCW bersama Dato A. Samat Kasah, Mantan Pengarah PENMAS SPRM  
Mampukah Rakyat Malaysia Membantu SPRM

9 mln hingga 10 mln, Isnin, 7 DISEMBER 2020. - melalui aplikasi Google Meet

### Makluman untuk ahli-ahli MCW:

Perhatian kepada semua ahli baharu dan ahli lama MCW yang belum pernah menghadiri KURSUS SERGAH MINDA, pihak pengurusan MCW akan mewajibkan anda menghadiri Kursus Sergah Minda' untuk PENINGKATAN kefahaman mengenai OBJEKTIF, PERANAN dan KAEDAH pergerakan antirasuah yang dibenarkan mengikut Perlembagaan MCW serta PERUNDANGAN Malaysia. Kursus secara maya ini akan melibatkan taklimat/panduan 'Do's & Dont's' oleh pihak SPRM. Presiden MCW mahu ahli-ahlinya lebih mahir secara teori dan tidak bertindak secara praktikal di luar bidang kuasa sebagai badan NGO. Tarikh kursus akan dimaklumkan dalam Mesyuarat AJK kedua sesi 2020/23.



1 Disember 2020

# IIUM ROUND TABLE

## CONSUMERISM POST PANDEMIC ERA

Kertas Kerja Presiden MCW - Cause and effect of Corruption to Consumers Post Pandemic Era

8 Disember 2020

### Presiden MCW - PANEL Jemputan Sidang Meja Bulat UIAM



#### ROUNDTABLE DISCUSSION ON CONSUMERISM IN POST- PANDEMIC ERA

##### PRESENTERS



Prof. Dr. Mohd Yusof Hashim,  
Universiti Malaysia Sabah



Dr. Siti Hasmiza Jusoh,  
Universiti Malaya



Dr. Mohd Firdaus  
Ahmad,  
Universiti Malaysia Kelantan



Prof. Dr. Noraini Md. Yusoff,  
Universiti Malaysia Kelantan



Dr. Samsul Arifin,  
Universiti Malaysia Kelantan



Dr. Azizah Ali,  
Universiti Malaysia Kelantan



DATE & TIME  
8-DEC-2020  
(TUESDAY)  
Senate Hall,  
IIUM  
TIME  
8:30am - 1.00pm

#### POINT OF DISCUSSION:

1. INTRODUCTION: THE FUNCTION OF NGO – MCW IN COMBATING CORRUPTION IN MALAYSIA.
2. THE CAUSE AND EFFECTS OF CORRUPTION TO CONSUMERS IN MALAYSIA POST PANDEMIC ERA.
3. THE SERIOUSNESS OF CORRUPTIONS PROBLEMS IN MALAYSIA POST PANDEMIC ERA.
4. THE FUNCTIONS OF INDIVIDUALS IN CURING THIS CONSUMERS CORRUPTION PROBLEMS
5. CONCLUSION – POST PANDEMIC ERA - WE ARE LEARNING - LEARN KNOWLEDGE THAT CANNOT BE LEARNED IN ORDINARY CLASSES



Malaysia Corruption Watch (MCW) work closely with Malaysian Anti-Corruption Commission, government, private sectors, media and government, private sectors, media and wider public to combat corruption and promote strong integrity and ethical standards.



**POLITICAL**  
• Undermine democratic institution and the rule of law  
• Offices and institutions meet their legitimacy when they're involved in private interests  
• Economic government that protect the people but infect them are corrupted individually especially in control of regulation and dealing with "preferred vendor"

**ENVIRONMENT**  
• Extravagance of environmental law and the exploitation of natural resources has resulted in destroying the ecosystem  
• Illegitimate logging activities  
• Illegal permits and license

**SOCIAL**  
• citizens compelled to pay for service that should be free  
• affects lives, substandard quality of goods and services  
• Examples building collapse  
• undermines people's trust in the political system, institutions and leadership.

**ECONOMIC**  
• Oily price robbery (natural gas)  
• Misappropriation of public & personal interest  
• Economic funding corruption projects such as hospitals, road and etc but with high cost

## Kongsi Berita & Ilmu @ FB MCW

### RASUAH BAGAIKAN TIADA PENAWAR - Utusan Malaysia

Sejak beberapa bulan ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan aktiviti rasuah bukan hanya unik malah sukar dijangka fikiran orang biasa. Antaranya, polis dikaitkan dengan sindiket penipuan Macau Scam, imigresen dengan penglibatan membuka laluan buat pelacur China dan terkini kastam disifatkan seperti boneka ketika jaga sempadan.

Kisah-kisah tersebut ada yang menimbulkan rasa sakit hati, gelak ketawa, sinis dan tidak kurang enggan ambil peduli. Mereka yang sakit hati mungkin beranggapan gaji dibayar kepada penguat kuasa terbabit bukan untuk menjaga negara sebaliknya jadi pengkhianat. Bagi yang ketawa, mungkin menganggap perkara itu sudah ‘lumrah’ manakala yang tidak peduli agaknya mereka sudah putus asa dengan aktiviti rasuah di negara ini. Bukan hanya penguat kuasa, pemimpin politik pun ramai yang terpalit dengan rasuah.

Rasuah dikaitkan dengan ahli-ahli politik lebih hebat apabila individu berkenaan tidak sedikit pun malu apatah lagi bersalah. Mereka masih mampu mengelilingi negara dan menjaja kisah kononnya dianiyaya.

Memang benar undang-undang negara selagi mana mahkamah belum menjatuhkan hukuman, individu berkenaan tidak boleh dikatakan bersalah.

Ada kes-kes rasuah membabitkan modus operandi baharu cuma bezanya cara menerima duit haram dan banyak juga kes-kes seperti kebiasaan cuma bertukar kakitangan yang berada dalam agensi tersebut.

Nilai rasuah yang didedahkan kini bukan sedikit semua mencecah jutawan ringgit malah ada juga berbilion sebulan. Mereka yang tidak pernah bermimpi bakal memiliki jumlah wang sebanyak itu, kebingungan memikirkan bagaimana cara penerima menghabiskan harta tersebut.

Jika Covid-19 yang muncul tahun lalu bakal mempunyai vaksin, rasuah seperti tiada penawar. Rasuah seolah-olah tidak akan sembah malah mungkin semakin sebat dalam kalangan yang ada ruang dan peluang melakukannya.

Sudah jemu rakyat mendengar, membaca dan melihat pelan kerajaan dan agensi penguat kuasa itu sendiri membuat formula menghapuskan rasuah namun yang pasti tetap tiada perubahan.

Kisah yang dibongkarkan kini mungkin membabitkan kumpulan tidak bernasib baik kerana dipercayai banyak lagi agensi bukan penguat kuasa turut berlaku rasuah.

Justeru, SPM kena meluaskan risikan agar puak-puak yang menghina integriti dan mensia-siakan amanah rakyat tidak terus leka mengumpul duit haram.

Selain itu, mohon SPM tidak hanya menghebohkan tangkapan tetapi tiada pendakwaan. Adalah tidak adil kepada mereka yang ‘diaibkan’ sebelum ini tetapi tidak muncul-muncul di mahkamah untuk menjawab dakwaan terhadap mereka.

Teon Eg ialah Pengarang Berita Utusan Malaysia

## Kongsi Berita & Ilmu @ FB MCW

### PANDANGAN DAN FAKTA YANG PERLU DIHADAM OLEH PARA PEJUANG ANTIRASUAH DI MALAYSIA: SPRM patut diberi kuasa mendakwa?

Isnin | 14 Disember 2020

SINAR HARIAN

PENDAPAT > SPRM patut diberi kuasa mendakwa?

TUN ABDUL HAMID MOHAMAD || 14 Disember 2020

SEMASA saya menjadi Penggerusi Lembaga Penasihat SPRM dahulu (2009-2010), sebahagian daripada Ahli Lembaga tersebut yang terdiri daripada ahli akademik, aktivis, ahli perniagaan dan bekas pegawai kerajaan yang pro-pembangkang, mahu kuasa mendakwa diberikan kepada SPRM.

Saya berkata kepada mereka, antara lain, "Sekarang, oleh sebab tuan-tuan tidak sukakan Peguam Negara, sebaliknya tuan-tuan sukakan Tan Sri Abu Kassim, maka tuan-tuan hendak memberi kuasa menyiasat dan mendakwa kepada Tan Sri Abu Kassim. Bagaimana jika, selepas itu, beliau bertukar menjadi monster?"

Kemudian, saya menceritakan kisah seorang pengawal revolusi Iran yang masuk ke dalam lokap di sebuah balai polis. Dia menjerit, 'Sayalah penyiasat, sayalah pendakwa dan sayalah hakim' dan terus melepaskan tembakan kepada tahanan-tahanan di dalam lokap itu.

Itu adalah misalan yang ekstrem. Tetapi, itulah bayangan kesan ekstrem jika semua kuasa itu diberi kepada satu orang atau satu jabatan.

Minggu lepas, seorang kawan menghantar satu rencana 'Rasuah dosa besar' dan 'Beri SPRM kuasa mendakwa?'. Rencana itu ditulis oleh seorang Pensyarah Kanan dari Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media di sebuah universiti tempatan.

Saya menulis rencana ini bukan untuk berbahas dengannya tetapi hanya sekadar memberi hujah-hujah mengapa kuasa mendakwa tidak sepatutnya diberi kepada SPRM. Hujah ini berdasarkan antara lain pengalaman saya sebagai bekas Ketua Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara, Ketua Hakim Negara dan Penggerusi Lembaga Penasihat SPRM, tetapi saya menyerahkan kepada pembaca untuk berfikir dan membuat keputusan.

Sekarang, mari kita lihat terlebih dahulu alasan-alasan yang diberi oleh penulis rencana itu. Saya meneliti rencana itu dan mendapati alasannya hanya terdapat dalam satu ayat berikut:

"Situasi ini yang selalu mendorong persoalan dalam kalangan rakyat, adakah SPRM tidak mempunyai taring atau had tugas yang dimiliki SPRM ini punca yang membawa kepada sukarnya untuk membendung rasuah khususnya yang berlaku dalam kalangan jabatan kerajaan dan penjawat awam."

Daripada ayat ini dua perkara mungkin merupakan alasan beliau mengapa kuasa mendakwa patut diberi kepada SPRM iaitu, pertama, SPRM tidak mempunyai taring dan kedua, had tugas SPRM adalah punca sukarnya untuk membendung rasuah khususnya yang berlaku dalam kalangan jabatan kerajaan dan penjawat awam. Tetapi, beliau tidak berkata itulah sebabnya. Sebaliknya, beliau berkata, itu adalah situasi yang mendorong persoalan dalam kalangan rakyat.

Jika itulah alasannya, mengapa beliau tidak berkata itulah alasannya? Mengapa berselindung di belakang 'rakyat'? Bagaimana beliau tahu rakyat membangkitkan alasan-alasan itu? Apakah alasan rakyat berpendapat demikian?

Walau bagaimana pun, mari kita lihat kepada alasan-alasan itu. Pertama, sama ada SPRM mempunyai taring atau tidak. Adakah jika SPRM mempunyai kuasa mendakwa, SPRM boleh menakutkan orang bahawa ia boleh mendakwa mereka? Bagaimana, jika disebabkan oleh keterangan yang tidak mencukupi pada pandangan mahkamah atau kerana kesilapan dalam pendakwaan, pertuduhan itu ditolak (acquitted) oleh mahkamah, adakah untuk memanjangkan taringnya lagi, maka kuasa membicarakan kes-kes rasuah juga hendaklah diberi kepada SPRM?

Perkara kedua yang dikatakan dibangkitkan oleh rakyat ialah 'had tugas yang dimiliki SPRM ini punca yang membawa kepada sukarnya untuk membendung rasuah khususnya yang berlaku dalam kalangan jabatan kerajaan dan penjawat awam.'

Soalan-soalan di atas juga terpakai di sini. Selain daripada itu, bagaimana ketiadaan kuasa mendakwa menjadi 'punca yang membawa kepada sukarnya untuk membendung rasuah'? Itu tidak disebut. Adakah kerana 'Setiap siasatan yang telah lengkap akan dibawa ke pejabat Peguam Negara dan jika Peguam Negara 'berpuas hati' maka pendakwaan akan dilakukan'?

Apa yang dimaksudkan dengan 'Setiap siasatan yang telah lengkap' itu semestinya mengikut pandangan pegawai penyiasat SPRM. Pegawai penyiasat tidak berpengalaman mendakwa. Tugas menyiasat adalah berbeza daripada tugas mendakwa.

Maka, apa yang mungkin difikirkan lengkap oleh penyiasat mungkin difikirkan tidak lengkap oleh pendakwa, malah apa yang difikirkan lengkap oleh kedua-duanya mungkin difikirkan tidak lengkap oleh hakim-hakim mahkamah paling tinggi.

Sebab itulah jika sesuatu kertas siasatan yang telah difikirkan lengkap oleh penyiasat itu dibawa kepada pendakwa untuk dikaji olehnya (mereka) untuk melihat

## Kongsi Berita & Ilmu @ FB MCW

dari kaca mata pendakwa sama ada semua ingredient pertuduhan berkenaan dapat dibuktikan atau tidak.

Jika Peguam Negara/Pendakwa Raya berpendapat ada bahagian yang keterangan untuk membuktikan sesuatu ingredient itu lemah, Peguam Negara/Pendakwa Raya mungkin akan mengarahkan atau akan memanggil pegawai penyiasat SPRM, berbincang dengannya dan mengarahkannya melakukan siasatan lanjut untuk mendapat keterangan tambahan di bahagian-bahagian berkenaan. Hanya jika ia tidak dapat dibaiki lagi barulah Peguam Negara/Pendakwa Raya membuat keputusannya.

Perlu diingat bahawa SPRM dan Peguam Negara/Pendakwa Raya sentiasa berhubung antara satu sama lain dalam usaha memperbaiki sesuatu kertas siasatan sebelum membuat keputusan menuju atau tidak.

Itu adalah amalan yang dilakukan oleh Peguam Negara/Pendakwa Raya yang dilantik daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang saya tahu. Saya tidak tahu amalan pelantikan politik, Tan Sri Tommy Thomas.

Saya akui Peguam Negara/Pendakwa Raya mempunyai budi bicara untuk tidak membuat pertuduhan atas alasan kepentingan awam. Alasan ini lebih mudah disalahgunakan. Tetapi, jika kuasa mendakwa diberi kepada SPRM, ia juga akan mempunyai budi bicara yang sama. Ini menjadikan keadaan lebih buruk kerana, di samping budi bicara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM juga mempunyai kuasa menyiasat.

Tidak ada satu kuasa yang tidak boleh disalahgunakan. Ia terserah kepada orang yang melaksanakannya. Kita hanya boleh mengadakan sistem yang menyusahkan ia dilakukan. Jika ada penyalahgunaan, tidak bererti sistem itu yang patut diubah. Biasanya masalahnya adalah orang bukan sistem. Maka orang itulah yang patut diganti.

Dalam hal ini tidak ditunjukkan di manakah kelemahan sistem yang sedia ada dan bagaimana sistem yang dicadangkan itu akan menambahkan kecekapan dan mengurangkan penyalahgunaan kuasa. Maka, tidak ada alasan untuk menggantikannya.

Jika setiap kes yang siasatannya oleh SPRM mestilah disusuli dengan pertuduhan tetapi ia ditolak pula oleh mahkamah maka mengikut hujah penulis itu, mahkamah pulalah yang menjadi punca yang membawa kepada sukarnya untuk membendung rasuah.

Dalam keadaan itu, adakah beliau mahu kuasa membicarakan kes-kes rasuah diberikan juga kepada SPRM? Ingat kembali kisah pengawal revolusi Iran di awal rencana ini.

Ungkapan sama ada Peguam Negara ‘berpuas hati’ atau tidak sama ada sesuatu kertas siasatan itu lengkap

adalah tidak tepat. Ujian yang betul ialah sama ada keterangan yang dirakamkan oleh penyiasat itu mencukupi, paling kurang, untuk membuktikan kes prima facie bagi pertuduhan yang hendak dibuat itu. Bagaimana pula jika SPRM tidak mempunyai kuasa mendakwa ia menjadi sukar untuk ‘membendung rasuah khususnya yang berlaku dalam kalangan jabatan kerajaan dan penjawat awam? Pendapat itu juga tidak disokong dengan apa-apa alasan.

Pengasingan tugas menyiasat daripada tugas mendakwa dan tugas membicarakan kes-kes itu bukanlah suatu keanehan yang terdapat dalam sistem perundangan dan kehakiman Malaysia sahaja. Saya tidak pernah temui sebuah negara yang meletakkan kesemua tugas-tugas itu atau dua daripadanya kepada satu jabatan. Sesiapa yang mengetahui tolong maklumkan.

Sebenarnya, ada sebabnya mengapa ketiga-tiga tugas itu diasingkan. Ia adalah akibat perkembangan (development) yang mengambil masa beratus-ratus tahun.

Tujuannya ialah untuk mengelak penyalahgunaan kuasa oleh sesuatu jabatan dengan membahagi-bahagikan tiga kuasa tersebut kepada tiga jabatan berlainan supaya ada check and balance antara satu sama lain.

Pembahagian tugas itu juga akan melahirkan pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Ini diperlukan di mana bilangan kes, complexity dan besarnya kes-kes itu semakin bertambah dari hari ke hari.

Ambil ingatan, pada masa ini, jawatan Peguam Negara/Pendakwa Raya dipegang oleh satu orang. Jawatan-jawatan itu telah mula difikirkan untuk diasingkan atas alasan beban kerja yang terlalu berat dan mengelak pelantikan politik menjadi Pendakwa Raya.

Bayangkan apa yang boleh terjadi jika Ketua Pesuruhjaya SPRM yang mempunyai kuasa menyiasat dan mendakwa adalah seorang lantikan politik. Jabatan polis pun tidak diberikan kedua-dua tugas itu. Tun Abdul Hamid Mohamad ialah bekas Ketua Hakim Negara

FALSAFAH HUKUMAN TEMBAK HINGGA MATI PESALAH KES RASUAH: Menobrak seekor ayam bagi menakutkan monyet yang lain.



## Penggambaran dokumentari khas berkenaan MCW yang akan disiarkan di TV 1 -April 2021



## Kongsi Berita & Ilmu @ FB MCW

### SPRM - AGENSI TUNGGAL

MENCEGAH RASUAH DI MALAYSIA BERKONGSI PENGALAMAN DENGAN NEGARA ASEAN YANG LAIN DIATAS TEMA 'BETTER GOVERNANCE, LESS CORRUPTION'!

## EDARAN

SPRM

### WASPADA PANGGILAN PALSU

KONSEP DILAKUKAN MELALUI DILAKUKAN

TALIAN BERAKSI POL / 1.000 KALAHAN

DISEDIAKAN OLEH : BARAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK, SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



### 16th ASEAN-PAC: SPRM KONGSI USAHA DAN PENGALAMAN CEGAH RASUAH

PUTRAJAYA, 9 Dis. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah berkongsi usaha dan pengalaman pencegahan rasuah menerusi pembentangan mesyuarat 16th Principals Meeting of the ASEAN Parties against Corruption (ASEAN-PAC) yang diadakan secara maya di Ibu Pejabat SPRM di sini, hari ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Shamshun Baharin Mohd. Jamil berkata, sebagai agensi tunggal yang memikul tanggungjawab untuk mencegah rasuah di negara ini, SPRM sentiasa menjalankan tugas yang diamanahkan tanpa gagal walaupun negara kita kini dilanda pandemik Covid-19.

Dalam mesyuarat yang bertemakan 'Better Governance, Less Corruption' tersebut, SPRM berkongsi inisiatif-inisiatif baharu pencegahan rasuah dan fungsi SPRM mengikut peruntukan dalam Seksyen 7 (c), (d) dan (e) Akta SPRM 2009.

Turut dikongsi dalam mesyuarat itu ialah norma baharu yang dipraktikkan dalam sektor operasi dan sektor pencegahan termasuk dari segi penerimaan aduan serta program yang dilaksanakan menerusi sistem dutam talian.

16th ASEAN-PAC yang dipengerusikan oleh Government Inspectorate of Vietnam tersebut juga disertai oleh wakil-wakil daripada agensi penguatkuasaan antirasuah iaitu Corrupt Practices Investigation Bureau, Singapura; Anti-Corruption Bureau, Brunei; Anti-Corruption Unit, Kemboja; Corruption Eradication Commission, Indonesia; State Inspection and Anti Corruption Authority, Lao PDR; Anti-Corruption Commission, Myanmar; Office of Ombudsman, Filipina dan Office of the National Anti-Corruption Commission, Thailand.



# Kongsi Berita & Ilmu @ FB MCW

4 & 7 Disember 2020

Bertepok sebelah tangan tidak akan berbunyi, it takes two to tango, ada penerima maka adalah pemberinya. Begitulah juga dengan gejala rasuah. Tidak akan ada penerima kalau tidak ada pemberi. Kalau penerima melakukan kesalahan, pemberi juga sama, mungkin kesalahannya lebih besar. Kalau rasuah dianggap barah, maka pemberilah yang membiakkan barah tersebut agar terus aktif dan merebak.

Menerima rasuah adalah perbuatan haram dan menyalahi undang-undang, pemberi rasuah juga terlibat dalam kancan aktiviti haram dan melanggar undang-undang.

## Kalau tidak mengapa perlu merasuah?

Pemerdagangan manusia, bawa masuk pati, penyeludupan, pengedaran dadah, aktiviti bisnes tanpa lesen - kilang, pusat hiburan, judi, pinjaman wang dsbnya, adalah kegiatan haram atau menyalahi undang-undang. Mereka inilah yang bertanggung jawab memporak-perandakan masyarakat dan merosakkan alam sekitar. Oleh itu dalam kes merebaknya rasuah, golongan ini juga bersalah dan perlu diambil tindakan tegas. Benteras mereka habis-habisan dengan apa cara sekalipun sehingga tidak ada sebab dan ruang untuk mereka merasuah. Tidak ada pemberi maka tidak adalah penerima.

Oleh itu ketika memperkatakan tentang gejala rasuah, janganlah semata-mata menumpukan dan menyalahkan penerima sahaja, sedangkan ada pihak lain yang juga melakukan kesalahan yang lebih besar. Pemberi dan penerima sama-sama melakukan kesalahan dan tidaklah wajar tumpuan hanya kepada penerima sahaja, seolah-olah pihak yang satu lagi tidak melakukan apa-apa kesalahan.



SIRI PENINGKATAN ILMU AHLI MCW melalui Google Meet

Sinar Harian | 3 Disember 2020 | Page: 20

## Rasuah di Malaysia sudah jadi pandemik

Ancaman berlaku di seluruh terutamanya kepada penguatkuasaan tanpa mengira darjah.

SHAH ALAM

seorang yang dibor angsal menjadi kehadiran negara.



NASIRUDDIN

Kaliapakat kita melihat ia sebagai pokok, tetapi sebenarnya ia sebuah ancaman. Mata kita perlu meningkatkan peringatan dari segi memperbaikan institusi.

"Menekan iklim korupsi bukanlah amanah. Warna jadi peringatan keselamatan pun dia datang bersama.

"Kita setuju mesyuarat yang berpenjelasan besar (beroleh ancaman rosak) bagi sebahagian atau sebahagian kesukaran korupsi, membuat pengiktirafan dan penghalaman, meminta dia ada korupsi."

"Bersama, ajuraya, penegur korupsi perlu sentiasa diperkuat integriti kerana riang dan peling seniasa wajah."

"Seperti Covid-19, pandemik rasuah juga perlukan penjajaran fizikal. Kongsikan berita dengan orang yang ada kepentingan."

Wacana yang dikendalikan oleh Ahmad Faizal Mohd Samad ini memuat naik pada 212 bertajuk "Kedaulatan Negara: Antara Penasihat Kasus dan Petualang" yang diadakan di Kompleks Komuniti Kuningan, Kuala Lumpur pada Sabtu.

Histeria, inciusanya, percaya-pada perlu dilakukan dengan bukan berjantung kepada undang-undang, tetapi perkenaan juji diri dan integriti se-



Dari kiri: Ahmad Faizal, Nasiruddin, Dr. Nasiruddin bin Karim Aliffendi serta pengaruh Wacana Sinar. Rancangan Sinar ke-212 yang berlangsung di Kompleks Komuniti Kuningan, Kuala Lumpur pada Sabtu.

"Rasuah yang mengintai bukanlah undang-undang dan menganggap undang-undang terlalu rugai, ini akan menciptakan kerjasama (bersekutu) antara kedua-dua mereka," katanya.

"Pada masa sama, belum juga menyifatkan undang-undang rasuah sebagai undang-undang.

"Dalam undang-undang di bawah Suruhanjaya Perceguan Rasuah Malaysia, belum boleh terletak atas pendakwa untuk membuktikan bahawa wang tersebut adalah rasuah."

"Kata kita Bhd Alta Peranggahan, Pengeluaran Wang Haram, Principal Pengbaruan dan Kragunan dan Hasil Aktiviti Hasar 2001 (AMLA), lebih baik kewala bahan bukti tersebut atau terdapat saksi membuktikan bahwa barang yang dia ada didapati secara suk."

Tajuk:  
**RASUAH:**  
**PELUANG DAN ANCAMAN.**  
**MAMPUKAH RAKYAT BANTU SPRM?**  
**Bersama Dato A Samad Kasah,**  
**Mantan Pengarah PENMAS SPRM.**

9 mlm hingga 10 mlm,  
Isnin, 7 DISEMBER 2020.  
Sila klik link ini untuk ikuti  
Sesi ini secara langsung.  
[meet.google.com](http://meet.google.com)

Ahli MCW yang sertai Sesi ini layak mendapat 10 point APC.

# MCW

Malaysia Corruption Watch  
Anti Corruption Start From You

# Kongsi Berita & Ilmu @ FB MCW

## Sinar Harian: Rasuah Tidak Pernah Hilang

TU dia, umur 26 tahun pun sudah makan suap," kata Pak Din ketika sedang enak melahap roti canai garing Pak Anjang di Pasar Guar Chempedak. "Ramai juga yang kena tangkap disyaki terima rasuah," kata saya pula yang sentiasa sahaja singgah di kedai Pak Anjang dan terserempak dengan Pak Din. Sejak berhenti daripada kegiatan aktivis, begitulah hari-hari kerja Pak Din. Ada juga saya bertanya perkembangan terbaharu beliau. Katanya, tolong bini jual produk kecantikan.

"Tapi itulah, tak akan jadi kalau tak ada contoh. Bak kata pepatah, rebung tidak jauh daripada rumpun," kata Pak Din. "Apa maksudnya tu Pak Din?" tanya saya ingin tahu. "Ala, maksudnya lebih kurang sama sahaja dengan bapa borek anak rintik. Mesti ada contoh teladannya. Kalau kepala pun begitu, mesti kaki mengikutnya," kata Pak Din sinis sambil berfalsafah. Sejak-sejak akhir ini banyak berita tangkapan rasuah dan paling kita risau ia melibatkan segelintir penjawat awam yang memang menjadi harapan rakyat jelata.

Saya ada membaca statistik di laman sesawang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melibatkan tangkapan rasuah dan data pesalah rasuah. Ramai juga. Jika melibatkan data tangkapan rasuah, walaupun tidak semestinya bersalah selagi tidak didapati bersalah, namun boleh mencemarkan imej. Mungkin persepsi orang akan berkata, pokok tidak akan bergoyang kalau tidak dititiup angin. Pada tahun 2020 sehingga Disember, ramai melibatkan penjawat awam. Pada November 2020, ia melibatkan 65 orang penjawat awam. Pada bulan lain pun masih ada penjawat awam yang terlibat.

Bagi statistik data pesalah rasuah pada tahun 2020, seramai 24 orang melibatkan penjawat awam. Pada tahun 2019, seramai 63 orang dan pada tahun 2018, seramai 69 orang. Ia sedikit sebanyak mencemarkan imej kerajaan dan kepada mereka yang memang bekerja dengan jujur serta amanah. Jika melihat Indeks Persepsi Rasuah (IPR) di Malaysia yang ditulis dalam satu artikel pada tahun 2014 - merujuk kepada Transparency International pun dikatakan tidak banyak berubah, malah aktiviti rasuah dikatakan semakin meningkat. Sebab musabab melakukan rasuah perlu dikaji. Kalau tengok sepintas lalu, nampaknya ramai ingin menjadi kaya cepat. Kalau tidak, masakan penerima rasuah mempunyai harta benda mewah walaupun pendapatan mereka tidak menunjukkan begitu.

### Hukum

"Aku rasa mereka ini perlu dihukum dengan lebih berat. Kau tengoklah sudah berapa lama tetapi masih berleluasa orang makan suap. Bukan sahaja penjawat awam, orang awam, yang kerja swasta pun ramai terlibat," kata Pak Din lagi. Dua roti canai sudah habis ditelan Pak Din. Teh ais pula masih berbaki separuh gelas. Sekali sekala dia menjeling telefon bimbit di atas meja untuk melihat waktu. "Tak mahu tambah lagi Pak Din?" tanya saya. "Dah kenyang, lagipun aku nak beli ikan. Bini aku pesan tadi. Nanti tertunggu-tunggu pula dia," kata Pak Din dengan penuh kejujuran. Tiba-tiba telefon berbunyi. "Alamak!" jerit Pak Din. "Awatnya Pak Din?" tanya saya. "Bini aku telefon. Mesti dia bising sebab aku lambat," kata Pak Din cemas. "Nanti aku jawab, beritahu dia kau ajak minum ya? Aku beritahu yang kau berminat nak beli produk krim pencerah muka ya?" pinta Pak Din dengan penuh harapan. "Mana boleh Pak Din, tak baik tipu," kata saya mengusik. "Ala, aku bayar roti canai kau tu nanti," kata Pak Din. "Ini rasuah!" kata saya. Pak Din terkebil-kebil. Tangannya terketar-ketar memetik butang untuk menjawab panggilan. Semangat aktivis hilang ditelan zaman, hanya dek kerana panggilan bini tercinta.

\* Faisal Muhamad ialah seorang jurutera kanan di sebuah syarikat lebuh raya dan amat meminati penulisan kreatif. Untuk bersatira, e-mel beliau: mrfaisalmuhamad@gmail.com

12 & 13 Disember 2020

## NST Leader: Bad Graft COVID-19 is deadly.

No question about that. But there is a virus deadlier than the coronavirus: corruption. Sadly, we can't call the disease caused by such a virus Graft-20 or even Graft-19. Graft isn't native to Malaysia but it sure is an old Malaysian malady. Being ancient, it is very entrenched. Even foreigners, like the Pakistani who bribed an immigration officer to release a group of foreign nationals, have given a new meaning to the slogan "Malaysia Boleh", literally "Malaysia Can". To them, it means money makes things happen in Malaysia. What a shame. And graft is so widespread, even MACC officers do get caught in it on occasion.

Just yesterday, three civil servants, one of them a deputy director-general, were detained by the MACC. If we were to have a Corruption Chronicle, there will be enough names to fill all the columns and inches of such a daily. And ads-free at that. The rot has taken root. The only cure is their destruction, root and branch. Where do we begin? Right at the top, because the graft rot has got there. The 1MDB scandal is a reflection of how bad the rot can get there. Addressing an Asean business forum on Thursday, Tan Sri Dr Munir Majid, Chairman of Asean Business Advisory Council and Cari Asean Research and Advisory, described the scandal as "the biggest and most shameful violation of trust in governance of a country in modern times." And he is right.

1MDB is all about money for nothing. How else do you describe the incurring of billions of dollars of debt for investments that weren't even on paper? For those that were, they were inflated at costs that were out of this world. And in one case, 88 per cent of payment was made for only 13 per cent of work. This must be conspiracy of very high finance. Our forefathers did not put together a nation to earn such a shame. In some ways, we are to be blamed for electing into office politicians who so quickly and easily betray our trust. We must now leave it to the courts to do what we have failed to do.

But we must not always leave everything to the law to repair. The courts are there to punish conspirators and criminals. But why give people the chance to be one or the other? Graft has to be tackled at two levels. First, at the governance of the nation level, all that made 1MDB possible must be made impossible. It isn't just plugging of cracks and crevices. It has to be more. Second, politics and the parties that do it need to be reimagined. Because people who get to govern the country begin here, the parties must ensure that only people of integrity get to hold office. Money politics and those who practise it must be jettisoned out of the parties. Parties' rules, too, must, as matter of course, require office bearers to relinquish their posts should they face criminal charges.

Presently, a few politicians who are facing criminal charges are not only campaigning for party candidates but are also actively making decisions as to who should govern the country. This not only brings the political parties into ill repute but also the nation. What's worse, they are sending very wrong signals to our civil servants.

Little wonder, minions of a public servant are driving around in Maserati with Jimmy Choo shoes on the pedals.

## Revisited - Kunjungan Ilmiah

MCW kali pertama ke Jakarta pada tahun 2017. Sesungguhnya Dunia Adalah Bilik Darjah Terbaik.

[https://m.facebook.com/story.php?story\\_fbid=1555342847884060&id=1443269169091429](https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=1555342847884060&id=1443269169091429)



## KISAH INSPIRASI PERJUANGAN ANTIRASUAH - IR SUTAMI- MENTERI PALING MISKIN DALAM SEJARAH INDONESIA

Ir. Sutami, beliau adalah Menteri hal ehwal Umum yang menjawat selama 4 fasa kabinet sejak tahun 1965 hingga tahun 1978. Kerana telus & kejujurannya, Sutami diberi kepercayaan dan amanah di era Presiden Sukarno dan Presiden Suharto menjadi presiden ... menguruskan berbagai mega projek besar dengan dana yang besar. Meskipun beliau yang berkelahiran Surakarta, Jawa Tengah 19 Oktober 1928, tidak mengambil kesempatan memanfaatkan dana projek projek tersebut untuk tujuan korupsi dan kepentingan diri. Sebab itu ada ungkapan yang mengatakan..."Tak mungkin pemimpin menjadi kaya raya, melainkan dia adalah seorang kuraptor"



Dibawah pengawasannya, projek raksasa seperti:

1. Gedung DPR RI
2. Jembatan Semanggi
3. Waduk Jatiluhur
4. Bandara Ngurah Rai
5. Jembatan Musi Palembang
6. Jalan Tol Pertama di Indonesia ( Tol Jagorawi)

Semua projeknya hingga kini masih berdiri kukuh. Sutami adalah satu satunya menteri yang paling miskin di Indonesia bahkan mungkin sampai hari kiamat nanti, kerana Sutami adalah manusia yang lurus, berpengetahuan, Jujur dan Amanah. Satu hari di hari raya , datang para tetamu ... betapa terkejutnya mereka saat menginjakkan kaki di rumah Menteri Sutami. Mereka ingat dia punya kemewahan , namun mereka dapati rumahnya amat sederhana yang atapnya bocor di mana-mana. Bahkan suatu ketika.... elektrik kena potong dirumahnya kerana Sutami terlewat bayar bil...menunggu gaji bulan itu..... Padahal sebagai pejabat negara yang menangani projek-projek besar, Menteri Sutami boleh saja hidup dalam kemewahan. Rumahnya beralamat di Jl. Imam Bonjol, Jakarta. Beliau membeli rumah secara ansuran dan baru lunas menjelang pencen. Tak pernah ia menggunakan kemudahan negara di luar pekerjaannya. Semasa dia pencen, semua kemudahan dikembalikan, termasuk kereta yang diberi kerajaan. Semoga Allah lapangkan kuburnya, ringankan beban soal munkar nakir.... Ya Allah jadikan Sutami Menteri Miskin di dunia tapi Kaya raya di akhiratnya..Aamlin

## KONGSI BERITA & ILMU @ FB MCW

Jawatankuasa Aduan (Jika) SPRM Diwujudkan Sebagai Mekanisme Semak Dan Imbang Dalam Memantau Pengurusan Dan Profesionalisme SPRM Dalam Melaksanakan Fungsi Dan Peranannya Dalam Memerangi Rasuah Di Malaysia



**PUTRAJAYA, 16 Dis. -** Laporan Jawatankuasa Aduan (JKA) diwujudkan sebagai mekanisme semak dan imbang dalam memantau pengurusan dan profesionalisme Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam melaksanakan fungsi dan peranannya dalam memerangi rasuah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata JKA amat diperlukan kerana akan menentukan tindakan warga kerja SPRM berada pada landasan yang betul dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

"Setiap isu perlu diteliti untuk memastikan bahawa pegawai dan kakitangan SPRM sentiasa berintegriti dan bebas dalam menjalankan tugas," ujar beliau.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Penyerahan Laporan Tahunan Jawatankuasa Aduan (JKA) 2018-2019 di Mess Pegawai di sini, hari ini.

Tambah beliau, laporan ini juga merupakan dokumen penting untuk menjadi rujukan pada generasi akan datang.

Sementara itu, Pengurus JKA, Dato' Ahmad Said menzahirkan penghargaan kepada Bahagian Kecemerlangan dan Profesionalisme (BCP) SPRM kerana turut membantu melancarkan pelaksanaan dan tugas-tugas JKA dalam menyediakan laporan ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Sri Shamshun Baharin Mohd Jamil; Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Junipah Wandi serta Pengarah-pengarah Bahagian.



# PANDANGAN MCW, HARIAN METRO - CUMA 0.01 PERATUS PENJAWAT AWAM BERANI LAPOR RASUAH !

(Oleh: Timbalan Ketua Ahli Panel Pemikir MCW,  
Noor Mohamad Bin Shakil Hameed)

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menetapkan 9 Disember sebagai tarikh keramat untuk masyarakat dunia menyambut Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA). Ia adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kepedulian manusia berkaitan keperluan dan tanggungjawab untuk memerangi pandemik penularan rasuah. Hakikatnya, wabak rasuah juga sudah menjadi virus yang begitu sukar untuk diubati di negara ini dan terus mencengkam kehidupan rakyat kita. Ironinya, usaha untuk memerangi rasuah perlu membabitkan kerjasama semua pihak kerana ia tidak dapat dilaksanakan oleh mana-mana individu atau organisasi secara solo atau sendiri. Justeru, semua pihak perlu berganding bahu jika memasang impian untuk memutuskan rantaian rasuah secara menyeluruh.

Di negara kita sudah ada beberapa agensi yang ditubuhkan khusus untuk menangani masalah integriti, rasuah, penyelewengan dan salah laku seperti, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) serta Institut Integriti Malaysia (IIM). Semua agensi ini telah dan sedang berusaha sebaik mungkin untuk memerangi rasuah baik dari aspek penguatkuasaan dan hukuman mahupun dari segi pendidikan dan pencegahan. Kita dapat lihat pada hari ini begitu banyak kes rasuah dan salah guna kuasa didedahkan dengan pesalahnya dibawa ke muka pengadilan. Ini menunjukkan pihak berkuasa amat serius dan komited dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Namun, pada masa sama peningkatan kes rasuah juga membuktikan virus rasuah ini sudah menjadi pandemik dalam masyarakat kita dan virus ini dilihat begitu sukar untuk dikawal.

Malah, boleh dikatakan gejala rasuah ini semakin menjadi-jadi dalam kalangan anggota masyarakat kita. Misalnya, bilangan penjawat awam, pekerja swasta, syarikat korporat mahupun individu seperti ahli perniagaan yang ditahan pihak berkuasa kerana sama ada memberi atau menerima rasuah sehingga mendorong melakukan pelbagai salah laku dan penyelewengan semakin meningkat dan ini amat membimbangkan kita semua. Terkini, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 menyaksikan ada 153 isu sudah dikenal pasti dan Jabatan Audit Negara (JAN) mengesan 11 isu punitif yang boleh disiasat oleh pihak berkuasa. Justeru, setiap seorang daripada kita perlu memikul tanggungjawab untuk membantu memutuskan rantaian penularan pandemik rasuah ini.

Sedarlah, usaha untuk membendung dan memutuskan rantaian rasuah ini perlu bermula daripada diri kita sendiri. Sebagai anggota masyarakat yang mahukan negara ini bersih daripada rasuah dan segala jenis penyelewengan, kita perlu bertindak dengan segera sebelum virus rasuah ini memusnahkan rakyat dan negara kita. Antara tindakan yang boleh kita lakukan ialah, jujurlah pada diri sendiri. Maksud di sini ialah jangan sesekali memberi rasuah kepada mana-mana pihak. Beruruslah dengan semua pihak terutamanya penjawat awam dan jabatan kerajaan secara jujur dengan nilai integriti yang tinggi. Begitu juga, jika ada yang meminta habuan jangan bersetuju dengan permintaan itu. Ingat, tidak akan ada penawaran jika tiada permintaan dan begitu juga sebaliknya.

Kita juga perlu menjadi warganegara yang berani dan bertanggungjawab kepada rakyat dan negara dengan cara melaporkan salah laku rasuah. Kita perlu berani tampil untuk membuat aduan demi memutuskan rantaian rasuah ini. Jika semua penjawat awam, misalnya berani melaporkan segala bentuk habuan dan sogokan yang ditawarkan kepada mereka oleh mana-mana individu mahupun sindiket, pasti kita dapat memutuskan rantaian penularan rasuah.

Hal ini sangat signifikan kerana, menurut Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Shamshun Baharin Mohd Jamil, hanya 0.01 peratus daripada 1.6 juta penjawat awam berani tampil melaporkan perbuatan rasuah dalam jabatan dan agensi masing-masing. Ia membabitkan 343 penjawat awam yang berani tampil memberi maklumat antara 2012 hingga tahun lepas. Jelas sekali angka ini terlalu rendah dan tidak sepatutnya berlaku.

Ayah penjawat awam, dengarlah nasihat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman yang menggalakkan penjawat awam melaporkan sebarang salah laku di kementerian atau agensi masing-masing, dalam usaha membendung ketirisan yang berlaku. Jangan sesekali kita terus menutup mata, mulut dan telinga atau berdiam diri kerana perbuatan itu boleh ditafsir sebagai bersabahat.

Dalam konteks ini, penjawat awam misalnya perlu sedar adalah menjadi satu kesalahan jika tidak melaporkan kes rasuah dan boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 25, Akta SPPR 2009 yang berdepan dengan denda sehingga RM100,000 atau penjara tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya. Pada masa yang sama, kerajaan juga menyediakan insentif kepada penjawat awam yang berani melaporkan rasuah seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian Atau Penerimaan Rasuah.

Ironinya, kita tidak perlu takut untuk mendedahkan dan membuat laporan kerana maklumat yang diberikan tidak akan didedahkan, malah keselamatan pemberi maklumat juga terjamin di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.

Tuntasnya, memerangi rasuah dan memutuskan rantaian penularan pandemik rasuah adalah tanggungjawab kita bersama. Jangan biarkan rasuah menghancurkan kehidupan kita dan negara secara keseluruhannya. Penulis adalah pentadbir universiti dan penganalisis isu semasa serta Timbalan Ketua Ahli Panel Pemikir MCW.

<https://www.bharian.com.my/.../datuk-roy-ditahan-menamar...>

# PANDANGAN MCW - KAESAH TERBAIK UNTUK MENGATASI MASALAH SALAH GUNA KUASA, PENYELEWENGAN DAN RASUAH DAN RASUAH YANG TAK "HABIS HABIS" DI MALAYSIAINI.

1. Pelbagai ‘pakatan jenayah’ penguatkuasa JPJ seperti menjual lesen terbang, menukar hak milik kendaraan (kereta klon) dan dikesan menggugurkan pendakwaan kepada pesalah jalan raya pula timbul hari ini.

2. Ada yang kata, gaji kecil bukannya penyebab rasuah. Perlukah para penguatkuasa di Malaysia yang baharu memulakan tugas menjalani proses sumpah laknat, junjung al-Quran atau apa jua kaedah yang memberikan mereka rasa bersalah supaya tidak melakukan rasuah?

3. Hakikatnya, gaji yang kecil bukanlah lagi alasan sebaliknya rasuah sudah menjadi amalan rutin yang tidak lagi kelihatan salah atau berdosa. Ramai yang sudah anggap rasuah sebagai perkara biasa dan tidak ada apa yang perlu dihairankan, dimalukan atau ditakuti untuk melakukannya.

**4. Kita semakin beralih ke arah masyarakat yang imun atau mangli dengan rasuah.** Ini akan menghancurkan sistem pentadbiran, merosakkan nilai-nilai murni dan juga masa hadapan rakyat dan negara secara perlahan-lahan. Justeru perlu ada tindakan bersepadau secara menyeluruh di semua peringkat lapisan masyarakat bagi mengatasi masalah ini.

**5. LANGKAH PERTAMA** - bersihkan dahulu jabatan yang berkaitan. Proses pemutihan perlu dilakukan dengan segera. Kenalpasti dan ambil tindakan tatatertib dan undang-undang terhadap pegawai dan staf yang terlibat. Hukuman yang sedia ada juga mungkin sudah tiba masanya untuk disemak semula dan dipinda supaya lebih keras dan menggerunkan.

6. Langkah berikutnya, saring, pilih dan tempatkan pegawai yang benar-benar ada integriti yang tinggi di semua lokasi yang sensitif dan berpotensi untuk berlakunya elemen salah guna kuasa, penyelewangan dan rasuah. Pertukaran pegawai di tempat / lokasi yang sensitif juga wajar dikerapkan. Perlu ada jawatankuasa khas yang lakukan proses pemilihan ini.

7. Seterusnya, proses pengisytiharan harta perlu dimantapkan. Sistem yang ada amat kurang berkesan. Perlu lebih kerap dan lebih telus serta mesti membabitkan pasangan dan ahli keluarga mereka terdekat yang lain.

8. Setiap agensi itu juga perlu kerap laksana program pendidikan dan pencegahan. Jangan ada kes, barulah kelam kabut, sebaliknya program ini perlu jadi amalan rutin terutamanya dari segi didikan rohani.

9. Ketua Jabatan atau Unit tersebut juga perlu bertanggung jawab sepenuhnya kepada tindakan pegawai bawahan mereka. Sekiranya budaya rasuah telah berleluasa, ketua jabatan perlu menukar budaya tersebut dalam apa cara sekalipun kerana ketua jabatan adalah

risk owner' kepada setiap risiko rasuah di bawah jabatannya. Pelik sekiranya ketua jabatan dinaikkan pangkat dan diberikan darjah kebesaran namun jenayah rasuah masih berleluasa dan imej serta reputasi jabatan mereka telah tercemar.

10. Semua ketua-ketua jabatan kerajaan perlu diberikan KPI untuk melaksanakan sistem pengurusan antirasuah mengikut standard MS ISO 37001 dan mendapatkan pensijilan dari badan pensijilan nasional yang diperakujkan diperingkat antarabangsa iaitu SIRIM QAS International. Sistem ini penting dalam memastikan proses ‘whistleblowing’ berjalan dengan efektif dan lebih ramai pegawai kerajaan akan lebih berani utk membuat aduan.

**11. Individu yang beri rasuah juga perlu dicari dan dikenakan hukuman yang lebih keras kerana mereka yang memulakannya dan merosakkan semuanya.**

**12. Pegawai yang berani tampil melaporkan rasuah pula perlu dijamin keselamatan dan masa hadapannya. Jangan mereka pula menjadi mangsa keadaan kelak.**

13. Secara jangka Panjang, setiap pegawai penguatkuasa perlu menjalani ujian ‘psychometric’ yang dilihat berkesan untuk melihat kecenderungan individu kepada salahlaku rasuah dan integriti. Pihak Institut Integriti Malaysia (IIM) ada menyediakan ujian ini.

14. Pendidikan berkenaan integriti dan jenayah rasuah dalam bentuk amali mestilah bermula dari peringkat pra sekolah dan bukannya semata-mata teori. Ujian Pentaksiran di peringkat SPM wajib ada soalan berkenaan jenayah rasuah. Pendidikan pengajian tinggi mestilah juga mengandungi pentaksiran ‘generik’ berkenaan jenayah rasuah sebagai syarat WAJIB mendapat ijazah.

15. Rasuah membabitkan sikap dan tingkah laku. Ianya tidak boleh berubah dalam sekelip mata atau diubah oleh orang lain begitu saja. Maka, untuk melahirkan generasi masa hadapan yang celik rasuah dan menjunjung integriti, kita perlu fokus kepada anak-anak yang berada di bangku sekolah sekarang. Merέka ini perlu dididik dan diasuh untuk membenci rasuah. Melentur buluh biar dari rebungnya. Ini membabitkan peranan ibu bapa dan guru.

# PANDANGAN MCW BERKENAAN - ISU DAGING IMPOT - KARTEL DAGING HARAM

1. Kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus semula daging tersebut dengan logo halal dan menjualnya ke pasaran seluruh Malaysia telah terbongkar dalam serbuan bersepadu pihak berkuasa pada minggu lepas.
2. Sebanyak 1,500 tan daging sejuk bernilai RM30 juta telah disita dalam hanya satu serbuan pada minggu lepas. Isu ini pasti melibatkan rasuah dan salah guna kuasa agensi penguatkuasa tempatan dan para peniaga yang tamak haloba.
3. Menurut maklumat dalaman, kes ini telah 40 tahun berlaku tanpa pemantauan mana-mana pihak. Apakah kita hendak melihat sahaja perkara ini terus berlaku? MCW mengucapkan tahniah kepada akhbar SINAR HARIAN kerana berani mendedahkan isu ini.
4. Rakyat Malaysia yang majoritinya beragama Islam memberikan perhatian yang sangat tinggi terhadap makanan halal, haram atau syubhah (meragukan). Pengambilan makanan memberi kesan besar terhadap pembangunan kerohanian, di samping menjelaskan pembentukan akhlak.
5. Maka, akan sebab makanan inilah yang menyebabkan ramai rakyat Malaysia rosak hati dan fikiran mereka. Akibat makan daging haram ini maka ramailah yang makan rasuah. Makan rasuah inilah yang menyebabkan negara jadi musnrah!
6. Agensi yang terlibat dalam pemantauan daging impot di Malaysia adalah Jabatan Perkhidmatan Vetrinar, JAKIM, Kementerian Kesihatan (KMM), MAQIS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Polis Pelabuhan. Isu yang utama ialah keselamatan daging import, integriti rantaian bekalan, loji penyembelihan tidak sah dan pemprosesan daging tidak halal.

 Malaysia Corruption Watch - MCW  
26 December 2020 - 

<https://www.sinarharian.com.my/.../Kartel-daging-haram...>

**KARTEL TUKAR DAGING  
HARAM JADI HALAL** LAPORAN PERTAMA



SINARHARIAN.COM.MY  
Kartel daging haram: MCW serah memorandum  
SHAH ALAM - Satu memorandum cadangan memperbaiki integri...

 175 years

NATION

## Meat cartel 'bribing government officers'

By Mohamed Basir  
December 21, 2020 @ 9:15am



7. Purata import bulanan adalah lebih kurang 300-400 kontena dengan 25mt daging beku setiap kontena. Strategi kartel adalah untuk mengelakkan cukai dan membayar kos sijil halal. Mereka mengaut keuntungan besar daripada harga import murah dan dijual mahal di pasaran tempatan. Mereka pastinya menyuap pegawai agensi itu supaya mempercepatkan proses bagi menjimat kos dan meningkatkan untung.
8. Penguat kuasa yang menerima pendapatan rendah adalah terdedah kepada suapan daripada peniaga ini. Ianya gagal dikesan dan didakwa atau ditangkap dan didenda. Sistem kawalan yang lemah dan mudah bocor di beberapa titik dalam rantaian bekalan daging ini juga menjadi punca masalah.
9. Enam agensi tersebut yang terlibat dalam pengimportan daging yang menyebabkan pertindihan fungsi atau skop. Pertindihan birokrasi ini pastinya menyukarkan pelaksanaan kawalan.
10. MCW Bersama beberapa organisasi yang berkaitan akan membuat satu memorandum kepada Kerajaan Malaysia dalam masa yang terdekat ini bagi mengemukakan beberapa cadangan yang berkaitan untuk memperbaiki integriti terutama isu kualiti dan halal, kecekapan dan keadilan sistem untuk semua pemain industri bagi mengatasi masalah ini secara menyeluruh.

# PANDANGAN MCW BERKENAAN HUKUMAN YANG LEBIH BERAT TERHADAP PESALAH RASUAH DI MALAYSIA

Masalah rasuah di negara ini adalah serius. Ianya sering mendapat perhatian kerana ahkbar kerap kali melaporkannya di media dan rakyat juga ingin melihat kerajaan dan penguatkuasa mengambil tindakan keatas perasuah.

Keseriusan dan kemahuan kerajaan membasmikan rasuah terpapar apabila pihak SPRM melalui pelbagai operasi penguatkuasaan telah berjaya membubarkan hasil apabila banyak tangkapan rasuah dibuat. Apakah data atau statistik tangkapan daripada SPRM yang semakin meningkat ini menggambarkan masalah rasuah dalam negara bertambah serius? Ya, dari segi persepsi, kita akan nampak ianya bertambah serius. Namun dari segi realitinya, ianya membutkan keazaman agensi penguatkuasaan kita iaitu SPRM berusaha bersungguh-sungguh dalam memerangi rasuah di Malaysia.

## Persepsi dan realiti sering bertentangan

Prinsip membanteras rasuah adalah sangat mudah, ‘tiada pemberi maka tiadalah penerima’. Pembanterasan jenayah rasuah perlu diperhebatkan. Kekang segera segala faktor yang mendorong jenayah itu. Hakikatnya, pelbagai jenayah berlaku kerana ada sindiket yang sanggup mengeluarkan ‘secebis’ hasil kegiatan haram mereka untuk disumbatkan ke dalam mulut anggota agensi penguat kuasa yang korup.

Setakat ini, Undang-undang di Malaysia hanya mengenakan hukuman denda (5 kali ganda berbanding nilai suapan) dan penjara kepada pesalah rasuah. Akta khas yang memperuntukkan undang-undang ini ialah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Akta ini hanya memperuntukkan penalti am bagi kesalahan berkaitan rasuah ialah penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, atau mana-mana yang lebih tinggi.

Peruntukan hukuman sedia ada tidak cukup berat, malah penalti dikenakan juga kurang memberi kesan terhadap pesalah rasuah. Selepas 52 tahun SPRM / BPR ditubuhkan, kita harus belajar daripada pengalaman dan perlu ada kajian menyeluruh untuk menghasilkan undang-undang antirasuah lebih ampuh.

## Hukuman yang lebih berat amat diperlukan memandangkan negara kita berhadapan ancaman rasuah yang tinggi

Hukuman mati tidak boleh dilaksanakan berikutnya kerajaan kita sedang berusaha untuk memansuhkan hukuman mati bagi kesalahan berat yang lain untuk mengikut pelbagai sistem perundangan lain di dunia dan selaras dengan kehendak hak asasi manusia di PBB. Disebabkan hukuman mati itu mustahil dilaksanakan di negara ini, MCW berpendapat ia boleh digantikan dengan hukuman sebatan kepada mereka yang terbukti bersalah. Sekurang-kurangnya 10 sebatan mencukupi agar mereka tidak lagi melakukannya dan menjadi amaran kepada orang lain.

## Hukuman sebat perlu dilaksanakan segera

Pesalah rasuah mesti dikenakan hukuman rotan mandatori dan penjara seumur hidup. Hukuman berat itu, yang dikenakan bagi kesalahan mengedar dadah, perlu dilaksanakan bagi membendung masalah rasuah di negara ini. MCW meminta agar kajian dan perlaksanaan hukuman rotan mandatori dan penjara seumur hidup dilaksanakan segera agar para pesalah dihukum setimpal dengan kesalahan mereka itu. Tahanan tanpa jaminan dan had ini perlu supaya tidak memberikan peluang kepada perasuah menghapuskan bahan bukti atau mempengaruhi saksi yang terlibat.

## Negara yang amalkan hukuman berat pada pesalah rasuah pada masa kini...

Mengikut undang-undang China, hukuman mati boleh dikenakan ke atas pesalah rasuah dalam kes melebihi 100,000 yuan (RM52,251) dan penangguhan hukuman mati biasanya diringankan menjadi penjara seumur hidup.

Akta Rasuah UK 2010 (UK Bribery Act 2010) dianggap sebagai salah satu undang-undang pencegahan rasuah yang paling ketat di dunia. Akta ini meliputi tiga (3) kategori kesalahan:

### 1. Kesalahan korporat kerana gagal mencegah rasuah

- Kesalahan liabiliti ketat (strict liability offense) yang bermaksud bahawa ia hanya perlu membuktikan bahawa defendan adalah bersalah atas perbuatannya, tanpa mengira niat jenayah atau keadaan mental defendan semasa melakukan perbuatan tersebut.

### 2. Rasuah pegawai awam negara asing (Bribing of foreign public official)

- Sama seperti Akta Amalan Rasuah Negara Asing (Foreign Corrupt Practices Act), adalah satu kesalahan apabila merasuh seseorang pegawai awam negara asing untuk tujuan mendapatkan dan/atau mengekalkan kerja.

### 3. Kesalahan umum rasuah komersial (General commercial bribery offense)

- Akta Rasuah UK 2010 adalah lebih luas daripada FCPA Amerika Syarikat dan meliputi rasuah peringkat swasta dengan cara kesalahan rasuah komersial. Tidak seperti FCPA yang hanya meliputi rasuah pegawai awam, Akta Rasuah UK 2010 menetapkan bahawa adalah menjadi kesalahan jenayah apabila bayaran rasuah dibuat kepada orang yang bekerja di sektor swasta (rasuah komersial). Di samping itu, mana-mana orang yang melakukan sesuatu fungsi dan/atau tugas dengan tidak betul (inappropriately) dengan harapan untuk mendapatkan keuntungan dianggap telah melakukan kesalahan jenayah komersial.

## Sesi Sembang Santai MCW bersama Ketua Polis Perak

Sesi sembang santai bersama Ketua Polis Negeri Perak, YH Dato' Pahlawan CP Mior Faridalathrash bin Wahid, petang tadi berjalan dengan baik. Turut hadir Timbalan beliau, YH DCP Dato' Pahlawan Hj. Mazlan Hj. Santarai, SAC Tuan Suresh Kumar dan beberapa pegawai kanan lain. Pada sesi pengenalan ini, MCW menawarkan khidmat bakti untuk menjadi 'mata dan telinga' masyarakat awam bagi memastikan jenayah dan gejala rasuah dapat dibanteras demi kemakmuran negara.



### MENIPU SAKIT (MC), SATU KESALAHAN RASUAH ?

Kredit kepada Tuan Tarmize Abdul Manaf,  
Timbalan Pengarah PENMAS, SPRM

1. Salah satu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) adalah mengemukakan dokumen tuntutan palsu.
2. Seksyen 18 akta itu menyatakan bahawa menjadi satu kesalahan apabila mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (contohnya, pesanan kerajaan, resit dan invoice) yang mempunyai butiran palsu dengan niat untuk menipu prinsipalnya (pejabat/majikan).
3. Contoh kepada kesalahan ini adalah, seorang kontraktor menuntut bayaran bagi projek yang sebenarnya tidak dibuat atau belum siap. Contoh kedua, seorang pembekal membuat tuntutan bagi 20 kamera DSLR yang kononnya telah dibekalkan. Hakikatnya, beliau hanya membekalkan 20 kamera digital yang harganya jauh lebih rendah.
4. Selain daripada itu, tahukah anda bahawa mengemukakan sijil saksi atau medical certificate (MC) boleh menjadi kesalahan rasuah? Ia merupakan kesalahan di bawah kategori mengemukakan tuntutan palsu.
5. Mungkin anda tertanya-tanya bagaimana ia boleh termasuk dalam kesalahan tersebut? Ada juga yang secara sinis berkata, "Adakah terdapat kes sebenar yang berlaku? Atau sekadar teori akademik?"
6. Untuk menjawab soalan-soalan tersebut, mari kita bersama-sama menghayati satu kes otoriti yang melibatkan sijil sakit palsu iaitu Nadimuthu v. Public prosecutor (1972) 1 LNS 96.
7. Dalam kes ini, Nadimuthu yang bekerja di Malayan Railways (nama lama bagi Keretapi Tanah Melayu Berhad) telah mengemukakan dua sijil sakit yang diperoleh daripada Lum Dispensary seperti berikut:
  - a. Sijil sakit bertarikh 5 Ogos 1968 yang memberi beliau cuti sakit sebanyak sehari; dan
  - b. Sijil sakit bertarikh 7 Ogos 1968 yang memberi beliau cuti sakit sebanyak sehari;
8. Dalam kedua-dua sijil sakit tersebut, beliau dikatakan telah diperiksa oleh Dr. Lum Weng Song (MBBS Hong Kong) yang mengesahkan beliau tidak sihat dan tidak berupaya untuk menjalankan tugas pada tarikh berkenaan. Beliau diberi cuti sakit yang melayakkan beliau menerima gaji penuh.
9. Kedua-dua sijil sakit berkenaan didapati tidak benar kerana beliau tidak sakit pada tarikh-tarikh berkenaan. Nadimuthu dituduh di mahkamah di bawah seksyen 4(c) Akta Pencegahan Rasuah 1961. Peruntukan lama ini bolehlah disamakan dengan seksyen 18 Akta SPRM 2009.
10. Akhirnya, mahkamah mendapati Nadimuthu bersalah dan didenda \$25 bagi setiap pertuduhan. Gaji dua hari yang dibayar semasa beliau 'cuti sakit' diarahkan untuk dibayar balik kepada Malayan Railways. Alasannya beliau telah ponteng kerja tanpa alasan.
11. Nadimuthu merayu dengan alasan sijil sakit tidak termasuk dalam maksud seksyen 4(c) Akta Pencegahan Rasuah 1961.
12. Hakim Mahkamah Tinggi, Y.A Hakim Abdul Hamid telah mengekalkan sabitan dengan alasan berikut:
  - a. Dokumen sijil sakit termasuk dalam tafsiran 'other documents' seksyen 4(c) Akta Pencegahan Rasuah 1961.
  - b. Apabila Nadimuthu tidak hadir kerja dengan mengemukakan dua sijil sakit tersebut, sijil tersebut melayakkan beliau diberi dua hari cuti bergaji penuh.
  - c. Sijil tersebut juga melayakkan beliau dibayar dua hari gaji oleh Malayan Railways.
  - d. Faktor itu menjadikan sijil sakit adalah dokumen yang mempunyai nilai kewangan.
13. Diharap kes ini dapat memberi iktibar kepada masyarakat agar tidak memandang mudah kepada cuti sakit. Doktor dan pegawai perubatan juga perlu berwaspada agar tidak terlibat sekiranya ada 'pesakit' yang tidak sakit memohon MC daripada anda.
14. Akhir sekali, laporkan sebarang jenayah rasuah. Rasuah Dihina, Maruah Dibina.

## Penyertaan MCW bersama PROLINTAS Mencipta "Malaysia Book of Records"



Bersempena dengan Hari Antirasuah Antarabangsa - HARA 2020 yang telah disambut di seluruh dunia pada 9hb Disember, maka 25 pimpinan kanan dan Ahli Seumur Hidup MCW bersama sama pihak PROLINTAS mencipta Rekod Malaysia Book of Records.\*

Kami bersama sama staf PROLINTAS dan beberapa agensi kerajaan termasuk SPRM telah mengedarkan 100,000 stiker kereta bertema MEMUTUSKAN RANTAIAN RASUAH di 4 buah plaza tol di sekitar Lembah Klang. Semoga usaha kecil yang luar biasa ini akan menambah Kesedaran rakyat Malaysia dalam bersama-sama memerangi rasuah demi negara yang tercinta ini.

